



JUZU KE-30

**SURAH
ASY-SYAMS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ①
وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ② وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ③
وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ④ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَدَنَهَا ⑤
وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَاهَا ⑥ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ⑦
فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ⑧
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ⑨
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ⑩
كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا ⑪ إِذِ انبَعَثَ أَشْقَاهَا ⑫
فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ⑬
فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنبِهِمْ
فَسَوَّاهَا ⑭ وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ⑮

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang(1). Dan demi bulan yang mengiringinya(2). Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas(3). Dan demi malam ketika ia melindunginya(4). Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi(5). Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas(6). Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya(10). Kaum Thamud telah mendustakan rasulnya kerana sikap mereka yang melampaui batas(11). Ketika seorang yang paling jahat dari mereka tampil tergesa-gesa (untuk membunuh unta mu'jizat)(12). Lalu rasul Allah (Soleh) berkata kepada mereka: Jangan ganggu unta Allah dan minumannya(13). Tetapi mereka mendustakannya, lalu mereka menyembelih unta itu, maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka

'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka(14). Dan Allah tidak bimbang kepada akibatnya."(15).

Surah pendek yang mempunyai rentak kata yang sama dan bunyi irama yang sama ini adalah mengandungi beberapa sentuhan perasaan yang lahir dari pandangan-pandangan dan gejala-gejala alam yang disebut pada awal surah ini. Pandangan-pandangan dan gejala-gejala alam itu seolah-olah merupakan frem bagi penjelasan hakikat agung yang ditegaskan oleh surah ini, iaitu penjelasan hakikat jiwa manusia dan kesediaan-kesediaan semulajadinya, juga penjelasan tentang peranan manusia terhadap urusan dirinya sendiri dan tanggungjawabnya di atas untung nasibnya. Hakikat ini telah dihubungkan oleh surah ini dengan hakikat-hakikat alam dan pemandangannya yang tetap.

Surah ini juga mengandungi kisah kaum Thamud dan perbuatan-perbuatan mereka yang mendustakan amaran rasul mereka Nabi Soleh a.s., juga perbuatan mereka menyembelih unta mu'jizat dan malapetaka yang menghapuskan mereka. Kisah kaum Thamud merupakan contoh dari kerugian yang menimpa manusia yang tidak membersihkan jiwanya, dan tidak memaksakannya menurut jalan taqwa, malah membiarkannya ditunggang kejahatan sebagaimana yang dijelaskan dalam ceraiian pertama surah ini.

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ⑨
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ⑩
"Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya"(10).

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 10)

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ①
وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ② وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ③
وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ④ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَدَنَهَا ⑤

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang(1). Dan demi bulan yang mengiringinya(2). Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas(3). Dan demi malam ketika ia melindunginya(4). Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi."(5)

وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَّهَا ۖ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ۗ
فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۘ
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۙ
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ۚ

"Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas(6). Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya." (10)

Allah bersumpah dengan makhluk-makhluk dan pemandangan-pemandangan alam di samping bersumpah dengan jiwa manusia, penciptaannya yang sempurna dan ilham yang diterima olehnya. Sumpah ini meletakkan nilai yang amat besar ke atas makhluk-makhluk ini dan mengajak manusia supaya merenungi dan meneliti apakah nilai-nilai dan erti-erti dari kejadian-kejadian itu hingga mewajarkan Allah Yang Maha Agung bersumpah dengannya.

Dialog Tanpa Suara Di Antara Kejadian-kejadian Alam Dan Hati Nurani Manusia

Pemandangan-pemandangan alam dan gejala-gejalanya merupakan bahasa rahsia di antara alam dengan hati manusia, satu bahasa yang terkenal di lubuk fitrah dan perasaan manusia. Di antara kejadian-kejadian alam dan manusia, terdapat dialog-dialog tanpa bunyi dan tanpa suara. Kejadian-kejadian itu menyampaikan perkataan dan bisikannya kepada hati dan roh manusia. Ia mencetuskan denyut hayat dalam hati manusia apabila mereka merenungi dan memandangnya untuk bermesra, berbisik-bisik dan berdialog dengannya di samping mencari ilham-ilham dan saranan-saranan.

Kerana itu Al-Qur'an banyak sekali mengajak hati manusia supaya meneliti pemandangan-pemandangan alam di berbagai-bagai tempat dengan menggunakan berbagai-bagai cara. Kadang-kadang dengan arahan-arahan secara langsung, dan kadang-kadang pula dengan singgungan-singgungan sampingan seperti bersumpah dengan kejadian-kejadian dan pemandangan-pemandangan dan menggunakannya sebagai frem untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang akan dijelaskan kemudian. Arahan-arahan dan singgungan-singgungan yang seperti itu banyak sekali terdapat dalam bahagian juzu' 'Amma ini. Hampir setiap surah tidak sunyi dari ayat-ayat yang menggerakkan hati manusia supaya menjelajah di alam buana ini untuk berbisik-bisik mencari ilham-ilham dan menerima darinya - menerusi bahasa rahsia - bukti-bukti dan bisikan-bisikannya.

Di sini kita dapati Allah bersumpah dengan:

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ۙ

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang."(1)

Matahari Di Waktu Pagi

Yakni mula-mula ia bersumpah dengan kejadian matahari secara umum, kemudian bersumpah dengan matahari ketika ia terbit di waktu pagi dan meninggi di kaki langit secara khususnya. Di waktu itu cahaya matahari kelihatan paling indah dan paling manis. Di musim dingin, waktu ini merupakan waktu hangat yang lemah lembut dan mesra. Sedangkan di musim panas, ia merupakan waktu pancaran cahaya yang jernih dan cemerlang sebelum tibanya cahaya panas waktu Zuhur yang terik. Pendeknya matahari di waktu pagi berada dalam waktunya yang paling indah dan jernih. Ada riwayat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan ضحى dalam ayat ini bukannya waktu pagi, tetapi ialah waktu siang hari seluruhnya. Tetapi bagi kami, kami berpendapat kita tidak perlu berganjak dari maknanya yang dekat iaitu "waktu pagi" kerana ia mempunyai pengertian dan tujuan yang khusus.

Kemudian Allah bersumpah dengan bulan yang mengiringi matahari dengan cahayanya yang lembut gemulai dan jernih hening.

وَالْقَمَرَ إِذَا تَلَّهَا ۚ

"Dan demi bulan yang mengiringinya."(2)

Di Antara Bulan Dan Hati Manusia

Memanglah di antara bulan dan hati manusia itu telah terjalin kasih mesra yang yang meresap ke segenap sudut jiwa. Di mana-mana sahaja hati bersua dengan bulan, rasa rindu mesranya terus memancar dan membungkas. Bulan menyampaikan bisikan-bisikan dan ilham-ilhamnya kepada hati manusia di samping mengucapkan tasbih-tasbihnya kepada Allah Penciptanya. Ucapan-ucapan ini hampir didengar oleh hati yang dilamun perasaan dalam cahaya bulan yang lembut. Kadang-kadang hati ini merasa ia sedang bermandi dalam cahaya indah di malam purnama raya, membersihkan segala kekotorannya, meni'mati sepuas-puasnya sambil berpeluk-peluk dengan nurnya yang amat dicintainya dan menyedut rahmat Allah yang menyegarkan dalam pancaran nur itu.

Kemudian Allah bersumpah dengan hari siang:

وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّاهَا ۙ

"Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas."(3)

Hari Siang

Ini menunjukkan bahawa maksud kata-kata ضحى dalam ayat yang lepas itu ialah khusus waktu pagi bukannya hari siang keseluruhannya. Dhamir جلاها (menampakkannya) itu pada lahirnya kembali kepada matahari (yakni menampakkan matahari), tetapi saranan Al-Qur'an membayangkan bahawa dhamir itu kembali kepada bumi (yakni menampakkan bumi). Uslub Al-Qur'an memang mempunyai saranan-saranan sampingan seperti saranan yang tersembunyi

di dalam ayat ini, kerana saranan itu memang lumrah dalam tanggapan manusia dan secara halus ia boleh dihadirkan oleh pengungkapan ayat itu. Ia bererti hari siang menampakkan bumi dengan jelas.

Siang juga mempunyai kesan-kesannya di dalam kehidupan manusia yang memang diketahui oleh mereka, tetapi oleh kerana terlalu kerap berulang-ulang, maka manusia kadang-kadang lupa kepada keindahan dan kesan-kesan hari siang itu. Singgungan sepintas terhadap hari siang di dalam ayat ini ialah untuk mendorong manusia supaya memerhati dan meneliti hikmat dari kejadian hari siang yang agung itu.

Begitu juga sumpah Allah dengan hari malam:

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ﴿٤﴾

"Dan demi malam ketika ia melindunginya." (4)

Hari Malam

Hari malam itu merupakan tudung yang melindungi segala-galanya, dan pemandangan hari malam meninggalkan kesan dalam hati manusia. Hari malam juga mempunyai kesan-kesannya di dalam kehidupan manusia sama seperti kesan-kesan hari siang.

Kemudian Allah bersumpah dengan langit dan pembinaannya yang rapi:

وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَدَهَا ﴿٥﴾

"Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi." (5)

Apabila disebut langit, maka yang terlintas dalam fikiran kita ialah sesuatu yang kita nampak seperti kubah di atas kepala kita, di mana bertaburan bintang-bintang dan planet-planet yang beredar di garis peredaran masing-masing, tetapi sebenarnya kita tidak mengetahui hakikat langit. Langit yang kita lihat di atas kita itu kelihatan begitu kukuh dan padu, tiada pernah rosak dan kacau-bilau. Ini menunjukkan bahawa pembinaannya amat rapi, tetapi bagaimana langit itu dibina dan dibangunkan? Apakah yang menahan dan memegang bahagian-bahagian langit itu dari jatuh berguguran semasa beredar di angkasa raya yang tidak diketahui di mana awal dan di mana akhirnya? Semuanya itu kita tidak mengetahui. Segala pendapat yang dikemukakan mengenai langit itu tidak lebih dari teori-teori sahaja yang boleh dipertikaikan dan boleh diubah dan dipinda, ia bukan merupakan pendapat-pendapat yang benar-benar kukuh dan mantap. Apa yang benar-benar meyakinkan kita ialah Allah yang memegang bangunan langit itu:

إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا
وَلَئِنْ زَالَتَا إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ ۗ

"Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya tidak musnah, dan andainya kedua-duanya musnah,

tiada siapa pun yang dapat menahan kedua-duanya selain dari Allah."

(Surah Fatir: 41)

Ini adalah satu-satunya yang kita tahu dengan penuh keyakinan.

Begitu juga Allah bersumpah dengan bumi yang terhampar:

وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَّهَا ﴿٦﴾

"Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas." (6)

Bumi Yang Terhampar

Keadaan bumi yang terhampar itu merupakan satu hakikat yang membolehkan manusia dan lain-lain makhluk hidup di atasnya. Inilah ciri-ciri bumi dan penyesuaian-penyesuaian yang diciptakan Allah di bumi ini yang membolehkan wujudnya hayat di bumi ini mengikut perencanaan dan pentadbiran-Nya. Jika salah satu dari ciri-ciri itu rosak, maka kehidupan di atas bumi tidak mungkin wujud dan ia tidak mungkin berjalan mengikut peraturan yang telah dijalankan. Sifat bumi yang terbentang dan terhampar seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya:

وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَاهَا ﴿٣٠﴾

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءًهَا وَمَرْعَاهَا ﴿٣١﴾

"Dan setelah itu Dia hamparkan bumi, dan dari bumi Dia keluarkan air dan tumbuh-tumbuhannya."

(Surah an-Naazi'aat: 30-31)

merupakan ciri bumi yang terpenting sekali di antara ciri-ciri dan penyesuaian-penyუსuaian yang lain. Hanya tangan qudrat Allah sahaja yang mengendalikan urusan ini. Apabila Allah menyebut di sini ciri bumi yang terhampar ini, maka ia mengingatkan manusia kepada kuasa-Nya di sebalik ciri itu dan menyentuh hatinya supaya merenungi hikmat-Nya dan mengingati Allah.

Hakikat Jiwa Manusia

Kemudian datang pula penjelasan mengenai hakikat agung mengenai jiwa manusia dalam keterangan sumpah ini iaitu hakikat yang mempunyai hubungan dengan alam buana, pemandangan-pemandangan dan gejala-gejalanya. Ia merupakan salah satu bukti agung di alam yang saling berkait dan selaras:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya."(10)

Keempat-empat ayat ini di samping ayat-ayat berikut:

وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

"Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan?"

(Surah al-Balad: 10)

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada dia bersyukur atau menjadi amat kafir"

(Surah al-Insan: 3)

merupakan asas teori kajian psikologi Islam. Ayat ini mempunyai pertalian yang melengkapkan keterangan ayat-ayat lain yang menunjukkan bahawa manusia itu mempunyai dua tabi'at seperti firman-Nya:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلِقُ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٧٢﴾

سَاجِدِينَ ﴿٧٢﴾

"Kenangilah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah(71). Dan setelah Aku sempurnakan penciptaannya dan meniup roh ciptaanKu kepadanya, maka mereka pun sujud kepadanya."(72)

(Surah Sad)

Begitu juga ayat-ayat ini mempunyai pertalian yang melengkapkan keterangan ayat yang menetapkan dasar tanggungjawab individu seperti firman-Nya:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٢٨﴾

"Setiap orang terikat dengan tanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya"

(Surah al-Muddaththir: 38)

dan ayat-ayat yang menjelaskan bahawa Allah mengaturkan tindakannya terhadap manusia mengikut realiti manusia seperti firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum hingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Surah ar-Ra'd: 11)

Dari ayat-ayat yang seperti inilah lahirnya pandangan Islam terhadap manusia dengan segala sifat-sifatnya yang pokok, iaitu manusia adalah satu makhluk yang mempunyai dua tabi'at, dua kesediaan dan dua kecenderungan. Kita maksudkan dengan dua tabi'at ialah manusia telah diciptakan dari tanah bumi dan dari tiupan roh ciptaan Allah. Ia telah dilengkapi dengan kesediaan-kesediaan yang sama untuk menuju ke jalan yang baik dan ke jalan yang jahat, ke jalan hidayat dan ke jalan kesesatan. Ia berkeupayaan untuk membezakan mana yang baik dan mana yang tidak baik, begitu juga ia berkemampuan untuk mengarahkan dirinya ke jalan yang baik dan ke jalan yang tidak baik. Keupayaan dan kemampuan ini tersembunyi di dalam jiwanya, yang kadang-kadang disebut oleh Al-Qur'an sebagai ilham seperti dalam surah ini:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya."(8)

Dan kadang-kadang disebutkan sebagai hidayat:

وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

"Dan bukankah Kami hidayatkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."

(Surah al-Balad: 10)

Keupayaan dan kemampuan itu tersembunyi dalam jiwa manusia dalam bentuk kesediaan-kesediaan, sementara peranan agama-agama, bimbingan-bimbingan dan faktor-faktor dari luar ialah menggerak, menguat dan membimbing kesediaan-kesediaan itu ke sana atau ke sini. Ia bukannya diciptakan oleh faktor-faktor luaran, malah ia diciptakan semulajadi lagi. Ia wujud selaku tabi'at semulajadi dan tersembunyi selaku ilham.

Sebab-sebab Manusia Bertanggungjawab

Di samping kesediaan-kesediaan semulajadi yang tersembunyi itu terdapat pula daya kekuatan yang sedar, mampu berfikir dan memimpin di dalam diri manusia, dan dengan daya kekuatan ini menjadikan manusia itu bertanggungjawab di atas tindak-tanduknya. Oleh itu, sesiapa yang menggunakan daya kekuatan ini untuk membersihkan dirinya dan menyuburkan kesediaan-kesediaan yang baik yang ada padanya hingga dapat menundukkan kesediaan-kesediaan yang jahat, maka bererti ia telah mencapai kejayaan dan keberuntungan, sebaliknya sesiapa memalap, membenam dan melemahkan daya kekuatan ini bererti ia telah ditimpa kerugian:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿١٠﴾

"*Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarakannya.*"(10)

Oleh itu, di sana timbul persoalan tanggungjawab sebagai akibat kerana manusia telah dikurniakan daya kekuatan yang sedar dan mampu berfikir yang membolehkannya memilih dan membimbing kesediaan-kesediaan semulajadinya yang boleh disuburkan dalam bidang kebaikan dan dalam bidang kejahatan. Pendeknya ia merupakan kebebasan yang dibayar dengan tanggungjawab. Ia merupakan daya kebolehan berfikir yang dibayar dengan tugas atau taklif dan ia merupakan pengurniaan yang dibayar dengan kewajipan.

***Di Samping Dikurniakan Daya Kebolehan Berfikir,
Manusia Dibantu Dengan Agama Dari Allah***

Sebagai rahmat kepada manusia, Allah tidak hanya meninggalkan mereka kepada pimpinan kesediaan-kesediaan semulajadi melalui ilham-ilham dan pimpinan daya kekuatan berfikir yang sedar, yang mampu menguasai tindak-tanduk mereka sahaja, bahkan Allah membantu mereka dengan agama-agama (yang dibawa para rasul) untuk memberikannya neraca-neraca pertimbangan yang teguh dan halus kepada mereka, dan mendedahkan kepada mereka kejadian-kejadian alam yang mencetuskan keimanan dan bukti-bukti yang membawa kepada hidayat yang terdapat pada diri mereka dan kejadian-kejadian di sekeliling mereka, dan seterusnya menghapuskan kekaburan dari diri mereka yang ditimbulkan oleh hawa nafsu mereka supaya mereka dapat melihat kebenaran dalam bentuk rupanya yang sah. Dengan ini, maka jalan hidup yang akan ditempuh manusia itu menjadi begitu terang lagi bersuluh, tiada diganggu sebarang kekaburan dan kesamaran, dan membolehkan daya kekuatan yang sedar bekerja dengan kefahaman yang jelas terhadap hakikat haluan yang dipilih dan dihayatinya.

Inilah kehendak Allah pada keseluruhannya terhadap makhluk manusia, dan segala sesuatu yang berlangsung dalam lingkungannya bererti menepati dengan kehendak Allah dan perencanaan umum-Nya.

* * * * *

Pandangan yang amat ringkas ini melahirkan beberapa hakikat yang penting dalam bimbingan pendidikan:

Hakikat Yang Penting Dalam Aspek Pendidikan

Pertama: Hakikat ini telah mengangkat nilai makhluk insan apabila ia menganggap manusia itu layak memikul tanggungjawab terhadap arah tujuan yang dipilihnya dan apabila ia memberi kepadanya kebebasan memilih (iaitu kebebasan dalam lingkungan kehendak Allah yang menentukan kebebasan itu). Kebebasan dan tanggungjawab inilah yang meletakkan makhluk manusia di tempat yang

mulia dan memberikannya darjat yang tinggi di alam ini sesuai dengan kejadiannya yang diciptakan Allah dengan tangan qudrat-Nya sendiri kemudian ditiupkan padanya roh dari ciptaan-Nya dan dilebihkannya di atas kebanyakan makhluk-makhluk yang lain.

Kedua: Hakikat ini meletakkan di atas bahu manusia tanggungjawab terhadap untung nasibnya sendiri dan meletakkan urusan hidupnya di hadapannya (dalam lingkungan kehendak Allah Yang Maha Agung sebagaimana telah dijelaskan), kerana itu hakikat ini membangkitkan dalam hatinya perasaan-perasaan waspada, berhati-hati dan bertaqwa, di samping itu ia sedar pula bahawa Allah menentukan taqdir terhadapnya menurut tindakan-tindakan yang dilakukannya:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

"*Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum hingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*"

(Surah ar-Ra'd: 11)

Ini adalah satu tanggungjawab yang amat berat yang tidak harus dilupa dan dicuai.

Ketiga: Hakikat ini membuat manusia sentiasa merasa perlu merujuk kepada neraca-neraca pertimbangan Ilahi yang teguh dan tetap supaya ia tetap yakin bahawa ia tidak ditipu dan disesatkan hawa nafsunya, dan supaya ia tidak diheretkan nafsunya ke arah kebinasaan, dan tidak ditimpa balasan Allah yang ditimpakan ke atas orang-orang yang bertuhankan nafsu. Dengan itu, ia akan terus hampir dengan Allah, berpedomankan hidayat-Nya dan bersuluh dengan nur petunjuk-Nya untuk menempuh jalan-jalan yang menyestatkan.

Oleh itu, tidak ada batas bagi keupayaan manusia untuk mencapai setinggi-tinggi darjat dalam membersihkan dan meluhurkan dirinya apabila ia bermandi dalam nur hidayat Allah yang melimpah-ruah ini, dan membersihkan dirinya dalam gelombang air hidayat yang memancut di sekelilingnya dari matair-matair alam buana.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 15)

Kebiasaan Kaum Thamud

Selepas itu, Allah menunjukkan satu contoh dari contoh-contoh kerugian yang telah menimpa manusia yang membenamkan jiwanya, melindungkannya dari hidayat Allah dan mengotorkannya. Contoh ini digambarkan dalam bentuk kemurkaan, keseksaan dan kebinasaan yang telah menimpa kaum Thamud:

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا إِذِ انبَعَثَ أَشْقَاهَا

فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ﴿١٣﴾
فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهُمَا فَمَدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنبِهِمْ
فَسَوَّاهَا ﴿١٤﴾ وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ﴿١٥﴾

"Kaum Thamud telah mendustakan rasulnya kerana sikap mereka yang melampaui batas(11). Ketika seorang yang paling jahat dari mereka tampil tergesa-gesa (untuk membunuh unta mu'jizat)(12). Lalu rasul Allah (Soleh) berkata kepada mereka: Jangan ganggu unta Allah dan minumannya(13). Tetapi mereka mendustakannya, lalu mereka menyembelih unta itu, maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka 'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka(14). Dan Allah tidak bimbang kepada akibatnya."(15)

Unta Mu'jizat

Kisah kaum Thamud dengan nabi mereka Soleh a.s. telah diterangkan di beberapa tempat dalam Al-Qur'anul-Karim dan yang paling dekat ialah dalam Surah al-Fajr dalam Juzu' 'Amma ini. Oleh itu, cerita-ceritanya yang terperinci bolehlah dirujuk di sana. Dalam surah ini Allah hanya menyebut bahawa kaum Thamud telah mendustakan rasulnya dengan sebab perangai mereka yang kejam dan melampau. Sifat keterlaluan inilah yang merupakan satu-satunya sebab mereka mendustakan Nabi Soleh a.s., dan keterlaluan itu dapat dilihat pada tindakan seorang yang paling jahat dari mereka. Dialah yang menyembelih unta mu'jizat, dialah yang paling celaka dan paling malang, kerana dosa besar yang dilakukannya. Nabi Soleh a.s. telah memberi amaran kepada mereka sebelum mereka bertindak melakukan kekejaman itu. Ia mengingatkan mereka supaya, jangan menyentuh unta Allah atau merampas air yang telah ditentukan Allah untuk unta itu sehari dan untuk mereka sehari sebagaimana yang telah disyaratkan ke atas mereka apabila mereka menuntut bukti dari Allah, dan Allah telah menjadikan unta itu sebagai bukti mu'jizat kepada mereka. Tentulah unta itu mempunyai kelebihan-kelebihan istimewa yang tidak payah kita masuk ke dalam cerita-ceritanya yang terperinci, kerana Allah sendiri tidak menerangkan apa-apa mengenainya. Tetapi kaum Thamud tidak percaya kepada amaran Nabi Soleh a.s. itu, lalu mereka sembelihkan unta itu. Tindakan itu dilakukan oleh seorang yang paling jahat dari mereka, tetapi seluruh mereka bertanggungjawab atas tindakan itu dan merekalah yang dikira menyembelih unta itu kerana tidak cuba menghalangi perbuatan penjahat itu matah merestuinnya. Ini merupakan salah satu dari dasar-dasar pokok Islam mengenai konsep tanggungjawab sosial dalam kehidupan dunia. Dasar ini tidak bercanggah dengan dasar tanggungjawab individu mengenai balasan Akhirat, di mana tidak ada orang yang memikul dosa orang lain. Menurut dasar ini adalah berdosa meninggalkan kerjasama, nasihat menasihati, bantu membantu, galak menggalak dan mencegah mereka yang hendak melakukan perbuatan yang kejam dan jahat.

Ketika inilah tangan qudrat Ilahi bertindak mengenakan 'azab yang besar ke atas mereka:

فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهُمَا فَمَدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنبِهِمْ
فَسَوَّاهَا ﴿١٤﴾

"Maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka 'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka."(14)

Kata-kata *لَمَدَم* bererti murka dan mengenakan 'azab, dan bunyi kata-kata itu sendiri membayangkan pengertian yang dahsyat di sebaliknya. Ia seolah-olah menggambarkan satu pemandangan yang ngeri di mana Allah timpakan ke atas kaum Thamud 'azab yang amat dahsyat dan meratakannya ke atas seluruh mereka, iaitu Allah balikkan bumi mereka ke atas ke bawah. Ini adalah satu pemandangan malapetaka yang maha dahsyat.

وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ﴿١٥﴾

"Dan Allah tidak bimbang ke atas akibatnya."(15)

Apakah yang hendak ditakut dan dibimbangkan Allah? Maksud dari ungkapan ini ialah Allah tidak takut kepada akibat perbuatan-Nya kerana itu Ia mengazabkan mereka dengan malapetaka yang sebesar-besarnya dan sedahsyat-dahsyatnya. Itulah cara penyeksaan Allah:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."

(Surah al-Buruj: 12)

Itulah nada pernyataan yang bertujuan menyampaikan saranan dan bayangannya ke dalam hati manusia.

Demikianlah hakikat jiwa manusia itu mempunyai pertalian yang rapat dengan hakikat-hakikat alam yang besar dan dengan pemandangan-pemandangannya yang tetap. Dan dua hakikat ini pula mempunyai pertalian yang rapat dengan Sunnatullah yang menghukumkan para pendusta dan para pelampau mengikut batas-batas perencanan-Nya yang bijaksana yang telah menetapkan bahawa setiap suatu ada ajalnya, setiap peristiwa ada masanya, setiap perkara ada titik akhirnya dan setiap taqdir Allah ada hikmatnya. Allah itulah Tuhan yang mengatur dan memelihara urusan jiwa, urusan alam dan seluruh urusan qadha' dan qadarnya.

* * * * *